

23/04/1997

Isteri PM Hungary lawat Melaka

MELAKA, Selasa - Isteri Perdana Menteri Republik Hungary, Anna Horn dan rombongan melawat beberapa tempat menarik dan bersejarah di negeri ini dalam lawatan singkat ke Melaka, hari ini.

Beliau mengiringi suaminya, Gyula Horn, sempena lawatan rasmi empat hari ke Malaysia dari 19 hingga 22 April ini.

Turut serta ialah isteri Menteri Industri, Perdagangan dan Pelancongan Republik itu, Judith Benko Fazakasima dan isteri Duta Hungary ke Malaysia, Maria de Breceni.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Bachang, Chua Peng Song mengiringi rombongan Republik Hungary menyambut rombongan itu di Plaza Tol Ayer Keroh, kira-kira jam 9.45 pagi.

Anna diberikan sambutan penuh adat istiadat Melayu Melaka ketika melawat Taman Mini Malaysia, Ayer Keroh. Beliau juga melawat rumah tradisional Singapura, Indonesia, Brunei, Thailand dan Filipina di Taman Mini Asean, yang terletak di kawasan berhampiran.

Selepas itu, beliau melawat tempat menarik dan bersejarah di sekitar Kompleks Warisan Sejarah, Bandar Hilir seperti Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Kota A Famosa dan replika Istana Kesultanan Melayu Melaka yang menempatkan Muzium Budaya.

Ketika melawat Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, kira-kira jam 11.10 pagi, rombongan itu diberi penerangan ringkas oleh Ketua Cawangan Latihan Arkib Negara, Mohd Zawawi Abdullah, yang juga bekas Pengarah Memorial.

Kemudian rombongan disambut oleh Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka, Mohd Jamil Mukmin, ketika dibawa melawat Muzium Budaya sambil diberi taklimat oleh Pemandu Pelancong Perzim, S Ragunathan.

Beliau dan rombongan diraikan dalam majlis makan tengah hari di Riviera Bay Resort, Tanjung Kling dekat sini oleh kerajaan negeri.

Turut hadir ialah isteri Ketua Menteri, Datin Sri Fatimah Samdin serta beberapa isteri Adun dan pegawai kanan kerajaan sebelum berlepas balik ke Kuala Lumpur, pada sebelah petang.

(END)